

**PENAMBAHBAIKAN TERHADAP GARIS PANDUAN KEPERLUAN PENYEDIAAN BILANGAN
TEMPAT LETAK KERETA OKU SELARAS DENGAN MS1184:2014**

Jabatan Perancangan Infrastruktur menggunakan Garis Panduan Tempat Letak Kereta Laluan Keluar Masuk Dan Edaran Trafik 2018. Penyediaan tempat letak kereta OKU dalam garis panduan tersebut adalah berdasarkan nisbah satu petak TLK OKU untuk setiap 50 tempat letak kereta dan minimum satu petak TLK OKU bagi jumlah tempat letak kereta yang kurang dari 50.

Untuk tujuan penambahbaikan, Jabatan Perancangan Infrastruktur telah membentangkan perbandingan keperluan penyediaan tempat letak kereta OKU antara Garis Panduan Tempat Letak Kereta Laluan Keluar Masuk Dan Edaran Trafik 2018 dengan Malaysians Standard MS1184:2014 [Universal Design and Accessibility In The Built Environment – Code of Practice (Second Revision)] dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil. 26/2021 Jilid III pada 06.07.2021.

Mesyuarat telah bersetuju agar keperluan penyediaan tempat letak kereta OKU dipinda dan diselaraskan dengan menggunakan Malaysians Standard **MS1184:2014** berkuatkuasa pada **06.07.2021**

Oleh itu, penyediaan tempat letak kereta OKU adalah mengikut keperluan berdasarkan jumlah TLK seperti dalam Malaysians Standard MS1184:2014 berikut:

Bil	Jumlah TLK	Keperluan penyediaan TLK OKU
1	25 TLK	1 TLK OKU yang mudah diakses
2	50 TLK	2 TLK OKU yang mudah diakses
3	100 TLK	4 TLK OKU yang mudah diakses
4	200 TLK	6 TLK OKU yang mudah diakses
5	Melebihi 200 TLK	6 TLK OKU yang mudah diakses dan tambahan 1 TLK OKU untuk 100 tambahan TLK.